



## **GARIS PANDUAN BAGI LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN FAEDAH BAGI INDUSTRI PAJAK GADAI**

### **1. PENDAHULUAN**

Industri pajak gadai di Malaysia telah wujud secara rasmi sejak tahun 1871 setelah *Pawnbrokers Ordinance* 1871 dikuatkuasakan di Negeri-negeri Selat. Pada mulanya industri ini tertakluk kepada 13 buah enakmen/ordinan/kaedah yang ditadbir oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Pada 2 Januari 1973, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] dan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004 telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia termasuk Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pentadbiran Akta ini adalah terletak di bawah portfolio Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menyelaras dan menyeragamkan pentadbiran pajak gadai di Malaysia serta menjamin industri pajak gadai yang sihat di samping melindungi kepentingan pengguna.

Dalam perniagaan pajak gadai, pemajak gadai (*pawner*) akan datang ke kaunter menyerahkan barang gadaian sebagai sandaran atas pinjaman yang dibuat. Pemegang pajak gadai (*pawn broker*) akan menilai sandaran tersebut dan menyerahkan sejumlah wang pinjaman kepada pemajak gadai. Secara umum, amaun pinjaman yang diberikan rendah daripada nilai sandaran. Pemegang pajak gadai akan mengeluarkan tiket kepada pemajak gadai bagi setiap transaksi. Sebahagian keratan tiket akan disimpan oleh pemajak gadai yang perlu diserahkan di kaunter apabila penebusan dilakukan.

Pemajak gadai boleh membuat penebusan (*redemption*) atas barang gadaian yang digadai dalam tempoh 6 bulan dari tarikh gadaian. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pemajak gadai adalah *not exceeding 2% per month or part thereof* serta *handling charge* 50 sen bagi setiap pinjaman melebihi RM10.00

## 2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan asas pengiktirafan dan layanan cukai ke atas pendapatan faedah bagi industri pajak gadai.

## 3. LAYANAN CUKAI

3.1 Pendapatan bagi sesuatu perniagaan hendaklah dilaporkan berasaskan prinsip terakru. Mengikut peruntukan seksyen 24 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), pendapatan faedah yang terbit daripada perniagaan pajak gadai hendaklah diiktiraf pada tarikh gadaian bermula yang merupakan tarikh terakrunya pendapatan faedah tersebut.


3.2 Walau bagaimanapun, memandangkan aktiviti perniagaan industri pajak gadai agak berbeza daripada industri kewangan dan perbankan yang lain, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) memberi konsesi dengan mengiktiraf pendapatan faedah / keuntungan bagi industri pajak gadai konvensional / Islam (Ar-Rahnu) sebagai terakru pada tarikh penebusan. Layanan asas terakru pada tarikh penebusan ini terpakai kepada:

- (a) Gadaian yang dibuat mulai tempoh asas bagi tahun taksiran 2009;
- (b) Gadaian yang dibuat mulai tempoh asas bagi tahun taksiran 2009 tetapi pemajak gadai gagal melakukan penebusan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh gadaian; dan
- (c) Gadaian yang dibuat mulai tempoh asas bagi tahun taksiran 2009 tetapi penebusan dilakukan dalam tempoh lanjutan sepertimana dipersetujui oleh pemajak gadai dan pemegang pajak gadai atau pemajak gadai gagal melakukan tebusan dalam tempoh lanjutan masa. Lanjutan masa dibenarkan sekiranya faedah atau keuntungan (Ar-Rahnu) dibayar sebahagian atau sepenuhnya ke atas tiket asal. Kebiasaannya lanjutan tempoh masa barang gadaian itu boleh ditebus tidak kurang daripada tiga bulan lamanya daripada tarikh penebusan sebenarnya.

- (i) Apabila tempoh lanjutan untuk penebusan dibenarkan, pendapatan faedah yang terakru dalam tempoh lanjutan adalah dianggap terakru pada tarikh penebusan tanpa mengambilkira sama ada penebusan dilakukan atau tidak dalam tempoh lanjutan. Jika pendapatan faedah bagi tempoh lanjutan terakru dan dilaporkan pada tarikh penebusan, tetapi gagal dibayar oleh pemajak gadai pada tarikh lanjutan, pemegang pajak gadai layak menuntut hutang lapuk dalam tahun tersebut atau tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan atau lelongan awam (yang mana terpakai) dengan syarat tuntutan tersebut mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

Contoh 1:

XYZ Enterprise (pemegang pajak gadai) menerima gadaian pada 1/7/2009 (menutup akaun pada 31/12 setiap tahun). Nilai gadaian ialah RM1,000 dengan kadar faedah 2% sebulan. Penebusan dilakukan pada 31/12/2009.




Kedua-dua tarikh gadaian dan tarikh penebusan terjatuh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2009. Oleh itu, pemegang pajak gadai dikehendaki melaporkan pendapatan faedah berjumlah RM120 dalam tahun taksiran 2009 iaitu pada 31/12/2009. Jika faedah sebanyak RM120 tidak diterima pada tarikh penebusan, maka amaun tersebut bolehlah dituntut sebagai hutang lapuk dalam tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan / lelongan awam (yang mana terpakai) dengan syarat tuntutan tersebut mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

Jika pemajak gadai dibenarkan lanjutan masa untuk membuat penebusan pada 30/6/2010, XYZ Enterprise dikehendaki melaporkan pendapatan faedah yang terakru dalam tempoh lanjutan berjumlah RM120 dalam tahun taksiran 2009 iaitu pada 31/12/2009. Ini adalah kerana tarikh penebusan asal terjatuh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2009. Jika faedah sebanyak RM120 tidak diterima pada tarikh lanjutan iaitu pada 30/6/2010, maka amaun tersebut bolehlah dituntut sebagai hutang lapuk dalam tahun tersebut (tahun taksiran 2010) atau tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan / lelongan awam (yang mana terpakai) dengan syarat tuntutan tersebut mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

Contoh 2:

Syarikat pajakan ABC Sdn. Bhd. (pemegang pajak gadai) menerima gadaian pada 1/7/2009 (menutup akaun pada 30/09 setiap tahun). Nilai gadaian ialah RM1,000 dengan kadar faedah 2% sebulan. Penebusan dilakukan pada 31/12/2009.




Tarikh gadaian adalah dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2009 manakala tarikh penebusan terjatuh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2010. Oleh itu, ABC Sdn Bhd dikehendaki melaporkan pendapatan faedah berjumlah RM120 dalam tahun taksiran 2010 iaitu pada 31/12/2009. Jika faedah sebanyak RM120 tidak diterima pada tarikh penebusan, maka amaun tersebut bolehlah dituntut sebagai hutang lapuk dalam tahun tersebut atau tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan / lelongan awam (yang mana terpakai) dengan syarat tuntutan tersebut mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

Jika pemajak gadai dibenarkan lanjutan masa untuk membuat penebusan pada 30/6/2010, ABC Sdn Bhd dikehendaki melaporkan pendapatan faedah yang terakru dalam tempoh lanjutan berjumlah RM120 dalam tahun taksiran 2010 iaitu pada 31/12/2009. Ini adalah kerana tarikh penebusan asal terjatuh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2010. Jika faedah RM120 tidak diterima pada tarikh lanjutan iaitu pada 30/6/2010, maka amaun tersebut bolehlah dituntut sebagai hutang lapuk dalam tahun tersebut atau tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan / lelongan awam (yang mana terpakai) dengan syarat tuntutan tersebut mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

- (d) Jika pemajak gadai melakukan tebusan lebih awal daripada tarikh penebusan sepatutnya, maka faedah yang diterima itu hendaklah dilaporkan / diiktiraf dalam tahun taksiran faedah tersebut diterima. Dalam keadaan ini asas terakru pada tarikh penebusan tidak terpakai.
- (e) Jika pemajak gadai melakukan tebusan lebih awal (membayar faedah sahaja) daripada tarikh penebusan sepatutnya dan kemudian diberikan tempoh lanjutan masa untuk penebusan, pendapatan faedah bagi tempoh lanjutan penebusan adalah terakru pada tarikh lanjutan masa bermula iaitu tarikh tebusan awal.

Contoh 3:

Kes sama seperti Contoh 1. Penebusan lebih awal dilakukan pada 30/9/2009. Dengan itu, lanjutan masa untuk penebusan bermula pada 30/9/2009.



XYZ Enterprise dikehendaki melaporkan faedah yang diterima sebanyak RM60 dan faedah yang terakru dalam tempoh lanjutan masa sebanyak RM120 pada tarikh penebusan sebenar bermula iaitu pada 30/9/2009.

- (f) Pemajak gadai boleh membuat pembiayaan semula (refinancing) ke atas gadaian asal. Ini akan mengakibatkan berlakunya salah satu daripada situasi di bawah:
  - (i) Gadaian baru dengan nilai pinjaman yang sama dengan gadaian asal.

Contoh 4:

Syarikat pajakan ABC Sdn. Bhd. (pemegang pajak gadai) menutup akaun pada 31/12 setiap tahun. Gadaian dilakukan pada 1/7/2009 dengan nilai RM1,000 pada kadar faedah 2% sebulan. Tarikh penebusan adalah pada 31/12/2009. Pemajak gadai hadir pada 5/10/2009 memohon tiket baru atas pinjaman yang sama iaitu RM1,000 dan bersetuju menjelaskan amaun faedah 4 bulan iaitu sehingga 5/10/2009 berjumlah RM80.

T/T 2009				T/T 2010			
Gadaian asal		Gadaian ke-2		Gadaian ke-3			
<b>RM1,000</b>		<b>RM1,000</b>					
1/7/2009	5/10	30/10	31/12/2009	4/4/2010	8/4	30/4	
	(20x4)					(20x7)	
	=RM80					=RM140	


Pemegang pajak gadai mengeluarkan tiket baru bagi tempoh 5/10/2009 hingga 4/4/2010. Gadaian kedua dianggap sebagai transaksi baru iaitu pembiayaan semula untuk menjelaskan pinjaman asal (kontra). Pengiraan faedah atas tiket baru (pinjaman RM1,000) bermula pada 5/10/2009 hingga 30/4/2010 (7 bulan) iaitu sebanyak RM140.

Jika sekiranya pemajak gadai hadir pada 8/4/2010 dan memohon tiket baru atas pinjaman yang sama (gadaian ke-3), tiket baru hanya dikeluarkan apabila bayaran faedah sebanyak RM140 dijelaskan sepenuhnya.

- (ii) Gadaian baru dengan penambahan nilai pinjaman berbanding gadaian asal.

Contoh 5:

Kes sama seperti contoh 4. Amaun pinjaman ditambah daripada RM1,000 kepada RM1,500.



Daripada jumlah pinjaman baru RM1,500 sebanyak RM1,000 dianggap menjelaskan pinjaman asal dan baki RM500 diserahkan kepada pemajak gadai.

Tiket baru bagi tempoh 5/10/2009 hingga 4/4/2010 dikeluarkan dan pengiraan faedah atas tiket baru (pinjaman RM1,500) bermula pada 5/10/2009 hingga 30/4/2010 (7 bulan) iaitu sebanyak RM210.

Jika sekiranya pemajak gadai hadir pada 8/4/2010 dan memohon tiket baru atas pinjaman yang sama (gadaian ke-3), tiket baru hanya dikeluarkan apabila bayaran faedah sebanyak RM210 dijelaskan.

- (iii) Gadaian baru dengan pengurangan nilai pinjaman berbanding gadaian asal.

Contoh 6:

Kes sama seperti contoh 4. Amaun pinjaman dikurangkan daripada RM1,000 kepada RM800.

T/T 2009		T/T 2010	
Gadaian <b>RM1,000</b>	Gadaian ke-2 <b>RM800</b> (terima RM200)	Gadaian ke-3	
<----- ----- ----- -----> <----- ----- ----->			
1/7/2009	5/10 30/10	31/12/2009	4/4/2010 8/4
	(20x4) =RM80		(16x7) =RM112

Amaun pinjaman baru sebanyak RM800 dianggap menjelaskan sebahagian pinjaman asal dan baki RM200 perlu dijelaskan oleh pemajak gadai kepada pemegang pajak gadai. Tiket baru bagi tempoh 5/10/2009 hingga 4/4/2010 dikeluarkan dan pengiraan faedah atas tiket baru (pinjaman RM800) bermula pada 5/10/2009 hingga 30/4/2010 (7 bulan) iaitu sebanyak RM112.

Jika sekiranya pemajak gadai hadir pada 8/4/2010 dan memohon tiket baru atas pinjaman yang sama (gadaian ke-3), tiket baru hanya dikeluarkan apabila bayaran faedah sebanyak RM112 diterima.

(iv) Penggunaan tiket baru ke atas pinjaman asal seperti ketiga-tiga keadaan di atas akan dianggap pembiayaan semula dan dilayan sebagai transaksi baru dengan kriteria berikut:

(a) Bayaran faedah perlu dijelaskan sepenuhnya sebagai syarat pengeluaran tiket baru dalam ketiga-tiga keadaan di atas.

(b) Faedah yang diterima sebelum tiket baru mesti diiktiraf dan dilaporkan sebagai pendapatan kasar faedah di dalam tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.

(c) Pengeluaran tiket baru dikira dari tarikh bayaran faedah dibuat. Dengan ini, tiada



elemen hutang lapuk atas pinjaman asal kerana tiket baru hanya dikeluarkan apabila faedah atas pinjaman asal dijelaskan sepenuhnya.

(g) Jika pemajak gadai gagal membuat penebusan pada tarikh penebusan atau lanjutan masa, maka pemegang pajak gadai layak membuat lelongan awam / jualan ke atas barang gadaian (sandaran). Ini akan mengakibatkan berlakunya salah satu daripada situasi di bawah:

(i) Nilai lelongan / jualan bersamaan dengan jumlah pinjaman dan faedah.

Contoh 7:

Jumlah pinjaman RM4,000 dan jumlah faedah gadaian RM1,500. Manakala nilai lelongan / jualan ialah RM5,500.

Oleh kerana pendapatan berjumlah RM1,500 telah dilaporkan pada tarikh penebusan, tiada pindaan dibuat apabila pemegang pajak gadai selesai membuat lelongan.

(ii) Nilai lelongan / jualan kurang daripada jumlah pinjaman.

Contoh 8:

Jumlah pinjaman RM4,000 dan jumlah faedah gadaian RM1,500. Manakala nilai lelongan / jualan ialah RM3,500.

Oleh kerana pendapatan berjumlah RM1,500 telah dilaporkan pada tarikh penebusan, pemegang pajak gadai boleh menuntut hutang lapuk dihapuskan sebanyak RM1,500 ke atas faedah dan RM500 ke atas modal pinjaman.

- (iii) Nilai lelongan / jualan bersamaan dengan jumlah pinjaman tetapi kurang daripada faedah.

Contoh 9:

Jumlah pinjaman RM4,000 dan jumlah faedah gadaian RM1,500. Manakala nilai lelongan / jualan ialah RM5,000.

Oleh kerana pendapatan berjumlah RM1,500 telah dilaporkan pada tarikh penebusan, pemegang pajak gadai boleh menuntut hutang lapuk dihapuskan sebanyak RM500 ke atas faedah.

- (iv) Nilai lelongan / jualan melebihi daripada nilai pinjaman dan faedah.

Contoh 10:

Jumlah pinjaman RM4,000 dan jumlah faedah gadaian RM1,500. Manakala nilai lelongan / jualan ialah RM6,000.

Oleh kerana pendapatan berjumlah RM1,500 telah dilaporkan pada tarikh penebusan, tiada pindaan dibuat apabila pemegang pajak gadai selesai membuat jualan / lelongan. Lebihan nilai jualan / lelongan sebanyak RM500 adalah hak milik pemajak gadai. Sekiranya pemegang pajak gadai gagal mengembalikan amaun tersebut kepada pemajak gadai atau ke Jabatan Akauntan Negara, maka lebihan itu akan ditaksir sebagai pendapatan lain kepada pemegang pajak gadai.

- (v) Jumlah pinjaman adalah kurang daripada dua ratus ringgit.

Bagi wang pinjaman yang kurang daripada RM200.00, barang gadaian (sandaran) akan menjadi hakmilik

pemegang pajak gadai jika penebusan tidak dilakukan oleh pemajak gadai.

Bagi tujuan layanan cukai, barang gadaian (sandaran) tersebut akan dianggap sebagai stok perniagaan pemegang pajak gadai. Oleh itu, kos perolehan barang gadaian (sandaran) adalah bersamaan dengan nilai pinjaman yang diberikan dan klasifikasikan sebagai pendapatan perniagaan di bawah subseksyen 4(a) ACP 1967 jika barang gadaian (sandaran) tersebut dijual.

### 3.3 Tempoh Peralihan (Tahun Taksiran 2009, 2010 Dan 2011)

Bagi membolehkan industri pajak gadai mengadaptasi perubahan asas pengiktirafan pendapatan seperti yang dinyatakan di atas, LHDNM bersetuju memberi konsesi tempoh peralihan kepada pemegang pajak gadai seperti berikut:

- (a) Bagi pemegang pajak gadai yang menutup akaun pada 30/9 hingga 31/12 bagi tahun taksiran 2009, LHDNM bersetuju untuk menerima pakai laporan pendapatan industri pajak gadai bagi tahun taksiran 2008 dan tahun taksiran sebelum mengikut asas tunai atau asas terakru yang telah digunapakai tanpa sebarang pelarasan dan pengenaan penalti.
  - (i) Bagi pemegang pajak gadai yang mengamalkan asas tunai bagi tahun taksiran 2008 dan sebelum, mereka dibenarkan melaporkan pendapatan yang masih belum diterima bagi tahun taksiran 2008 dan sebelum berdasarkan jumlah diterima dalam tahun taksiran 2009 iaitu apabila pendapatan diterima.

Dalam tahun taksiran 2010, pemegang pajak gadai dikehendaki melaporkan baki pendapatan tahun taksiran 2008 dan sebelum yang diterima, boleh diterima dan belum terima dalam tahun taksiran tersebut. Sekiranya terdapat hutang lapuk berkaitan dengan pendapatan

tersebut maka tuntutan boleh dibuat dalam tahun taksiran 2010 atau tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan / lelongan awam (yang mana terpakai) dengan syarat mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

Konsesi ini hanya terpakai bagi gadaian yang dibuat dalam tahun taksiran 2008 dan sebelum termasuk penebusan yang dilakukan dalam tempoh lanjutan.

Contoh 11:

ABC Pajak Gadai menerima gadaian pada 1/11/2008 dengan nilai gadaian sebanyak RM2,000 (akaun ditutup pada 31/12 setiap tahun). Tarikh penebusan ialah 30/4/2009 dengan kadar faedah 2% sebulan.

<b>Tahun Taksiran 2008</b>	<b>Faedah (2% Sebulan) (RM)</b>
30/11/2008	40
31/12/2008	40
<b>Tahun Taksiran 2009</b>	
31/01/2009	40
28/02/2009	40
31/03/2009	40
30/04/2009	40
<b>Jumlah Diterima</b>	<b>240</b>

Dengan konsesi layanan cukai dan tempoh peralihan ini, apabila tebusan dibuat pada 30/4/2009, ABC Pajak Gadai boleh melaporkan faedah yang diterima berjumlah RM240 dalam tahun taksiran 2009.

Contoh 12:

Kes sama seperti Contoh 11. Pemajak gadai memohon lanjutan masa untuk penebusan sehingga 31/10/2009 tetapi pemajak gadai gagal membuat bayaran pada tarikh lanjutan penebusan.

<b>Tahun Taksiran 2008</b>	<b>Faedah (2% Sebulan) (RM)</b>
30/11/2008	40
31/12/2008	40
<b>Tahun Taksiran 2009</b>	
31/01/2009	40
28/02/2009	40
31/03/2009	40
30/04/2009	40
<b>Jumlah Diterima</b>	<b>240</b>
<b>Tempoh Lanjutan</b>	
31/05/2009	40
30/06/2009	40
31/07/2009	40
31/08/2009	40
30/09/2009	40
31/10/2009	40
<b>Jumlah Boleh Diterima</b>	<b>240</b>

Jika jualan / lelongan awam dilakukan dalam tahun taksiran 2009 dan nilai lelongan bersamaan jumlah pinjaman dan faedah, maka ABC Pajak Gadai dikehendaki melaporkan pendapatan faedah sebanyak RM480 dalam tahun taksiran 2009.

Tetapi jika jualan / lelongan awam tidak dilakukan dalam tahun taksiran 2009, maka ABC Pajak Gadai dikehendaki melaporkan faedah yang diterima sebanyak RM240 dalam tahun taksiran 2009, dan baki faedah boleh diterima sebanyak RM240 dalam tahun taksiran 2010. Jika sekiranya faedah sebanyak RM240 tidak diterima, maka amaun tersebut bolehlah dituntut sebagai hutang lapuk dalam tahun tersebut atau tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan / lelongan awam (yang mana terpakai) dengan syarat tuntutan tersebut mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

- (ii) Bagi pemegang pajak gadai yang mengamalkan asas terakru pada tarikh gadaian bagi tahun taksiran 2008 dan sebelum, pemegang pajak gadai boleh mengiktiraf

pendapatan berdasarkan asas terakru pada tarikh penebusan mulai tahun taksiran 2009. Sekiranya terdapat hutang lapuk berkaitan dengan pendapatan yang telah dilaporkan itu, maka tuntutan boleh dibuat dalam tahun tersebut atau tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan / lelongan awam yang mana terpakai dengan syarat tuntutan tersebut mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

(b) Bagi pemegang pajak gadai yang menutup akaun pada 31/1 hingga 31/8 bagi tahun taksiran 2009, LHDNM bersetuju untuk menerima pakai laporan pendapatan bagi tahun taksiran 2009 dan tahun taksiran sebelum mengikut asas tunai atau asas terakru yang telah digunakan tanpa sebarang pelarasan dan pengenaan penalti.

(i) Bagi pemegang pajak gadai yang mengamalkan asas tunai bagi tahun taksiran 2009 dan sebelum, mereka dibenarkan melaporkan pendapatan yang masih belum diterima bagi tahun taksiran 2009 dan sebelum berdasarkan jumlah diterima dalam tahun taksiran 2010 iaitu apabila pendapatan diterima.

Dalam tahun taksiran 2011, pemegang pajak gadai dikehendaki melaporkan baki pendapatan tahun taksiran 2009 dan sebelum yang diterima, boleh diterima dan belum terima dalam tahun taksiran tersebut. Jika terdapat hutang lapuk berkaitan dengan pendapatan tersebut maka tuntutan boleh dibuat dalam tahun taksiran 2011 atau tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan / lelongan awam (yang mana terpakai) dengan syarat mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

Konsesi ini hanya terpakai bagi gadaian yang dibuat dalam tahun taksiran 2009 dan sebelum termasuk penebusan yang dilakukan dalam tempoh lanjutan.

## Contoh 13:

Maju Pajak Gadai Sdn Bhd menerima gadaian pada 1/6/2009 dengan nilai gadaian RM2,000 (akaun ditutup pada 31/7 setiap tahun). Tarikh penebusan adalah pada 30/11/2009 dengan kadar faedah 2% sebulan.

<b>Tahun Taksiran 2009</b>	<b>Faedah (2% Sebulan) (RM)</b>
30/06/2009	40
31/07/2009	40
<b>Tahun Taksiran 2010</b>	
31/08/2009	40
30/09/2009	40
31/10/2009	40
30/11/2009	40
<b>Jumlah Diterima</b>	<b>240</b>

Dengan konsesi layanan cukai dan tempoh peralihan ini, apabila tebusan dibuat pada 30/11/2009, Maju Pajak Gadai Sdn. Bhd. boleh melaporkan faedah yang diterima berjumlah RM240 dalam tahun taksiran 2010.

## Contoh 14:

Kes sama seperti Contoh 13. Pemajak gadai memohon lanjutan masa untuk penebusan sehingga 31/5/2010. Walau bagaimanapun pemajak gadai gagal membuat bayaran pada tarikh lanjutan penebusan.

<b>Tahun Taksiran 2009</b>	<b>Faedah (2% Sebulan) (RM)</b>
30/06/2009	40
31/07/2009	40
<b>Tahun Taksiran 2010</b>	
31/08/2009	40
30/09/2009	40
31/10/2009	40
30/11/2009	40
<b>Jumlah Diterima</b>	<b>240</b>
<b>Tempoh Lanjutan</b>	
31/12/2009	40
31/01/2010	40
28/02/2010	40

31/03/2010	40
30/04/2010	40
31/05/2010	40
<b>Jumlah Boleh Diterima</b>	<b>240</b>

Jika jualan / lelongan awam dilakukan dalam tahun taksiran 2010 dan nilai lelongan bersamaan jumlah pinjaman dan faedah, maka Maju Pajak Gadai dikehendaki melaporkan pendapatan faedah sebanyak RM480 dalam tahun taksiran 2010.

Tetapi jika jualan / lelongan awam tidak dilakukan dalam tahun taksiran 2010, maka Maju Pajak Gadai dikehendaki melaporkan faedah diterima sebanyak RM240 dalam tahun taksiran 2010, dan baki faedah boleh terima RM240 dalam tahun taksiran 2011. Jika faedah sebanyak RM240 tidak diterima, maka amaun tersebut bolehlah dituntut sebagai hutang lapuk dalam tahun berikutnya iaitu apabila selesai melakukan jualan / lelongan awam (yang mana terpakai) dengan syarat tuntutan tersebut mematuhi Ketetapan Umum No. 1/2002.

3.4 Prinsip asas terakru mengikut peruntukan subseksyen 33(1) dan 39(1) ACP 1967 dikekalkan untuk tuntutan perbelanjaan.

3.5 Pengauditan Tahun-Tahun Kebelakangan

LHDNM akan menerima pakai pengiktirafan pendapatan yang digunakan oleh pemegang pajak gadai untuk tahun taksiran 2008 atau 2009 (yang mana terpakai) dan sebelum, serta tiada pelarasan dalam asas pengiktirafan pendapatan dibuat untuk tempoh tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat kekurangan dalam laporan pendapatan serta lebih tuntutan perbelanjaan berdasarkan kepada asas pengiktirafan pendapatan yang digunapakai itu, pemegang pajak gadai adalah tertakluk kepada penganan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967.



3.6 Pengenaan Penalti Di Bawah Subseksyen 107B(4) Dan 107C(10) ACP 1967.

Tiada pengenaan penalti di atas perbezaan amaun cukai yang kena dibayar dengan cukai anggaran bagi tahun taksiran 2009 dan 2010. Jika sekiranya penalti telah dikenakan, pemegang pajak gadai perlu mengemukakan rayuan dan membuktikan bahawa perbezaan amaun cukai kena bayar berbanding anggaran cukai melebihi 30% disebabkan oleh pelarasan layanan cukai yang telah diberikan melalui garis panduan ini.

#### **4. PAJAK GADAI SECARA ISLAM (AR-RAHNU)**

Mulai tahun 2007, operasi pajak gadai secara Islam (Ar-Rahnu) juga tertakluk kepada Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] dan dikawal selia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh kerana konsep pajak gadai secara konvensional dan pajak gadai secara Islam mempunyai perbezaan-perbezaan tertentu, maka Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberikan pengecualian kepada pajak gadai secara Islam daripada tertakluk di bawah peruntukan-peruntukan tertentu Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] dan Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004. Pengecualian-pengecualian tersebut adalah seperti di bawah dan dinyatakan layanan cukai ke atas pengecualian-pengecualian itu jika ianya berkaitan.

4.1 Bayaran Pampasan Akibat Kehilangan, Kerosakan Dan Sebagainya Ke Atas Barang Gadaian (Sandaran).

Bayaran pampasan yang dilakukan oleh pemegang pajak gadai boleh dibenarkan tolakan di bawah subseksyen 33(1), ACP 1967 kerana ianya adalah sebahagian daripada liabiliti yang harus diambil oleh pemegang pajak gadai sama ada pemegang pajak gadai tersebut beroperasi secara konvensional atau secara pajak gadai Islam.

4.2 Kegagalan Penebusan Barang Gadaian (Sandaran)

Bagi pemegang pajak gadai secara Islam, setiap barang gadaian (sandaran) yang tidak ditebus hendaklah dilakukan lelongan awam

tanpa mengira amaun pinjaman. Oleh itu, layanan cukai adalah seperti yang diperuntukan di bawah subperenggan 3.2 (g) garis panduan ini.

#### 4.3 Kontrak Pajak Gadai

Terdapat perbezaan ke atas format, terma dan syarat kontrak pajak gadai secara konvensional dan pajak gadai secara Islam dan ianya tidak memberikan implikasi ke atas layanan cukai.

#### 4.4 Kadar Faedah Pajak Gadai / Kadar Upah Simpan

Kadar faedah pajak gadai bagi pemegang pajak gadai secara konvensional adalah sebanyak 2% setiap bulan atau sebahagiannya dan kadar upah simpan bagi pemegang pajak gadai secara Islam ialah tidak melebihi 1% sebulan atau 12% setahun. Prinsip *mutatis mutandis* dipakai ke atas kadar upah simpan bagi pemegang pajak gadai secara Islam di mana layanan cukai ke atas kadar upah simpan adalah bersamaan dengan layanan cukai ke atas faedah pajak gadai.

#### 4.5 Bersama-sama garis panduan ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Perniagaan Pajak Gadai Secara Islam (Ar-Rahnu) Yang Diluluskan Di Bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] dan Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004 yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

03 Jun 2011

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERNIAGAAN PAJAK GADAI SECARA ISLAM (AR-RAHNU) YANG DILULUSKAN DI BAWAH AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972 [AKTA 81] DAN PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG PAJAK GADAI (KAWALAN DAN PELESENAN) 2004.**

## **1. Tujuan**

Garis panduan ini dikeluarkan khusus untuk pelaksanaan modus operandi perniagaan pajak gadai secara Islam yang diluluskan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] dan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004.

## **2. Latar belakang**

Dalam usaha Kementerian untuk menyediakan alternatif kepada orang ramai berurusan dalam industri pajak gadai terutamanya dalam konteks pelanggan, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk meluluskan lesen pemegang pajak gadai secara Islam mulai tahun 2007. Langkah ini diambil susulan daripada permintaan terhadap pemohon lesen sendiri selain mengambilkira isu-isu sensitif yang dibangkitkan oleh pelanggan Islam berhubung amalan riba dalam pajak gadai konvensional.

## **3. Konsep Pelaksanaan**

Selari dengan konsep pelaksanaan pajak gadai Islam yang telah beroperasi dan dikawalselia oleh institusi-institusi bank dan koperasi-koperasi terpilih di seluruh negara, perniagaan pajak gadai secara Islam yang diluluskan di bawah Akta 81 turut menggabungkan dua konsep syariah iaitu:

- Ar-Rahnu – merujuk kepada mekanisme di mana suatu barang yang berharga dijadikan sebagai sandaran yang terikat dengan hutang bercagar yang boleh dibayar dengannya, sekiranya hutang tersebut tidak dapat dijelaskan; dan
- Al - Wadiah Yad Dhamanah – merujuk kepada simpanan

Terdapat 5 rukun yang perlu dipatuhi di dalam sesuatu urusan gadaian iaitu:

- i. Akad – penawaran dan penerimaan
- ii. Pemajak – orang yang menggadai iaitu orang yang berhutang
- iii. Pemegang pajak gadai – orang yang menerima barang gadaian iaitu orang yang memberi pinjaman
- iv. Marhun – barang gadaian
- v. Hutang – sebab gadaian

Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 telah digubal khusus untuk mengawalselia operasi perniagaan pajak gadai secara konvensional. Justeru, terdapat beberapa peruntukan di dalam Akta ini mahupun Peraturan yang berkaitan didapati tidak dapat memenuhi konsep pelaksanaan pajak gadai secara Islam. Dalam menimbangkan perkara ini, Kementerian telah meneliti dan mengenalpasti empat peruntukan yang memerlukan pengecualian khusus daripada Akta dan peraturan seperti berikut:

BIL	PERUNTUKAN	JUSTIFIKASI
1	<p><b>Seksyen 22, Akta 81</b></p> <p>(3) Mengenai sesuatu sandaran yang telah binasa atau rosak oleh kerana atau akibat kebakaran, kecuaiian, peninggalan, kecurian, rompakan atau selainnya, nilai sandaran itu hendaklah, bagi maksud pampasan kepada pemajak gadai itu dikira sebagai <b>satu perempat lebih daripada jumlah pinjaman atasnya.</b></p>	<p><b>Perniagaan Pajak Gadai Secara Islam</b></p> <p>Pemegang pajak gadai secara Islam hendaklah membayar pampasan bagi barang sandaran yang hilang atau rosak semasa dalam simpanan pemegang pajak gadai <b>berdasarkan jumlah baki selepas amaun nilai sandaran ditolak amaun pinjaman wang yang diberikan dan upah simpan sebelum kehilangan berlaku</b> tanpa mengira apa jua sebab kehilangan.</p>
2	<p><b>Seksyen 23, Akta 81</b></p> <p>(1) Jika sesuatu sandaran tidak ditebus sebelum tamat enam bulan dari tarikh dipajakgadai, atau sesuatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin telah dipersetujui di antara seseorang pemegang pajak gadai dengan pemajak gadai, atau sebagaimana yang dikehendaki mengikut seksyen 19, maka sandaran itu-</p> <p>(a) jika dipajakgadai untuk <b>wang berjumlah tidak lebih daripada dua ratus ringgit, hendaklah menjadi harta pemegang pajak gadai itu;</b></p> <p>atau</p> <p>(b) jika dipajakgadai untuk wang berjumlah lebih daripada dua ratus ringgit, apabila dilepaskan oleh pemegang pajak gadai itu, hendaklah dilepaskan dengan jalan jualan lelong yang dijalankan oleh seseorang pelelong berlesen.</p>	<p>Pemegang pajak gadai secara Islam hendaklah menjalankan kaedah lelongan awam bagi semua barang sandaran yang gagal ditebus <b>tanpa mengira amaun pinjaman.</b></p>

<p>3</p>	<p><b>Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004</b></p> <p>Surat pajak gadai yang diserahkan kepada pemajak gadai oleh pemegang pajak gadai hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual K dan hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan mengandungi butir-butir yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) nama, gelaran dan alamat pemegang pajak gadai;</li> <li>b) perihal terperinci mengenai sandaran yang dipajakgadai;</li> <li>c) nombor siri sandaran yang dipajakgadai sebagaimana yang dicatat dalam buku pemegang pajak gadai;</li> <li>d) jumlah pinjaman yang dibuat atasnya;</li> <li>e) keuntungan-keuntungan yang dibenarkan oleh Peraturan-Peraturan ini untuk dikenakan;</li> <li>f) keuntungan yang dikenakan;</li> <li>g) tarikh akhir untuk sandaran itu boleh ditebus;</li> <li>h) tarikh pemajakgadaian;</li> <li>i) nama, umur, jantina, kerakyatan, nombor kad pengenalan pendaftaran negara, nombor pasport(bagi orang asing) dan alamat pemajak gadai;</li> <li>j) jika pemajak gadai bukan pemilik kepada sandaran yang dipajak gadai, nama, umur, jantina, kerakyatan, nombor kad pengenalan pendaftaran negara, nombor pasport(bagi orang asing) dan alamat pemilik; dan</li> <li>k) butir-butir insuran di bawah Peraturan 23.</li> </ul>	<p>Pemegang pajak gadai secara Islam hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Jadual K di samping menambah lafaz-lafaz berikut termasuk nama dan ditandatangani oleh pemajak gadai, pemegang pajak gadai dan saksi dalam surat pajak gadai yang ditetapkan sebagai akad urusniaga.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>i) Lafaz Ijab Pemajak Gadai</b>  “Saya sandarkan jenis dan nilai barangan seperti yang tertera pada tiket ini sebagai jaminan kepada amaun pinjaman wang yang saya terima. Saya bersetuju menanggung bayaran upah simpan dan bayaran perkhidmatan lelongan apabila tindakan demikian berlaku”.</li> <li><b>ii) Lafaz Qabul Pemegang Pajak Gadai</b>  “Saya terima barangan sandaran tersebut sebagai jaminan”</li> <li><b>iii) Lafaz saksi</b>  “Saya menyaksikan Ijab dan Qabul tersebut disempurnakan”</li> </ul>
----------	--	---

<b>4</b>	<p><b>Peraturan 17, Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004</b></p> <p>Keuntungan yang diambil oleh seseorang pemegang pajak gadai ke atas mana-mana pinjaman yang diberi pinjam olehnya hendaklah pada kadar tidak melebihi dua peratus sebulan atau sebahagian daripadanya campur caj pengendalian sebanyak lima puluh sen bagi mana-mana pinjaman yang melebihi sepuluh ringgit.</p>	<p>Kadar upah simpan maksimum yang boleh dikenakan oleh pemegang pajak gadai secara Islam adalah tidak melebihi 1% sebulan atau 12% setahun daripada nilai sandaran semasa urusaniaga berlaku tertakluk kepada amaun pinjaman tidak kurang daripada 50% daripada nilai sandaran tersebut kecuali pemajak gadai berkehendakkan amaun pinjaman yang lebih rendah daripada itu. Nilai sandaran hendaklah dikira berdasarkan berat, jenis dan kadar harga barang sandaran pada hari urusaniaga tersebut dilakukan.</p>
----------	---	--

Selain daripada empat peruntukan yang dinyatakan di atas, perniagaan pajak gadai secara Islam yang diluluskan di bawah Akta ini hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan lain yang termaktub di dalam Akta dan peraturan-peraturan subsidiari di bawahnya.

Pengecualian hanya boleh diluluskan oleh Y.B. Menteri berdasarkan peruntukan seksyen 46A, Akta 81 seperti berikut:

**46A. Kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian**

(1) Menteri boleh –

- (a) selepas menimbangkan hal keadaan istimewa berhubung dengan jenis perniagaan mana-mana orang dan kedudukan kewangannya; dan
- (b) jika dia berpuas hati bahawa tidaklah bertentangan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian,

melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta, mengecualikan mana-mana pemegang pajak gadai daripada mana-mana peruntukan Akta ini, dan pengecualian sedemikian hendaklah diberikan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu, dan boleh dijadikan tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan atau syarat sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Menteri dalam pemberitahuan itu.

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, jelas bahawa mana-mana syarikat yang diluluskan untuk menjalankan perniagaan pajak gadai secara Islam perlu diberi pengecualian oleh Y.B. Menteri terlebih dahulu dan pengecualian tersebut hendaklah diwartakan sebelum dibenarkan beroperasi.

### **MAKLUMAT LANJUT**

#### **Setiausaha Bahagian**

#### **Bahagian Pemberi Pinjam Wang & Pemegang Pajak Gadai**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 4, Blok K, Pusat Bandar Damansara,

Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur.